

Undang-undang dikaji: PM

Perkukuh hak tahan penjenayah

16/6/04 MS 1 2A

KUALA LUMPUR: Kerajaan sedang menimbang untuk memperkenalkan undang-undang bertujuan memperkukuhkan hak rakyat dalam usaha membanteras jenayah termasuk ragut, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Saya sedang melihat bagaimana boleh diperkukuhkan undang-undang untuk memberi hak-hak perundangan tertentu kepada warga negara bagi menggalakkan mereka membantu polis membantaras jenayah," katanya semalam, sebagai mengulas kejadian ragut yang dilaporkan semakin berleluasa sekarang ini.

Perdana Menteri berkata, beliau akan membincangkan perkara itu bersama Kabinet secara lebih khusus serta meminta Jabatan Peguam Negara menggubal undang-undang berkenaan agar dibawa ke Parlimen secepat mungkin.

Pada asasnya undang-undang itu bertujuan membolehkan warga negara memainkan peranan yang lebih berkesan berlandaskan undang-undang dalam usaha membanteras jenayah, kata beliau.

Abdullah berkata, kejadian yang membabitkan seorang lelaki dibelasah oleh lima orang awam selepas meragut beg tangan seorang wanita di Klang pada malam Sabtu lalu, jelas

menunjukkan kemarahan rakyat terhadap jenayah ragut.

Katanya, ia memberi satu mesej mengenai kesedaran rakyat terhadap tanggungjawab mereka dalam membantu membanteras jenayah.

Bagaimanapun, orang ramai yang membantu membanteras jenayah seperti ragut tidak boleh bertindak di luar batasan undang-undang, kata Perdana Menteri ketika mengulas mengenai peragut berkenaan yang meninggal dunia di

hospital kelmarin, selepas koma akibat dibelasah dalam kejadian itu.

"Ia adalah reaksi serta kemarahan rakyat terhadap jenayah ragut tetapi janganlah ini dilakukan dengan cara yang akhirnya menimbulkan masalah lain pula dan kita juga yang rugi akhirnya.

"Kesedaran orang ramai membanteras jenayah adalah satu petanda baik tetapi ia harus dilakukan dalam ruang lingkup undang-undang. Mereka boleh menyerahkan peragut kepada polis mengikut proses undang-undang dalam negara," kata Perdana Menteri.

Ahad lalu, Pengarah Siasatan Jenayah, Datuk Musa Hassan, dilaporkan berkata orang ramai yang menyaksikan kejadian ragut boleh membuat tangkapan awam terhadap peragut. — Bernama

Peragut serah diri dengar tembakan amaran - Muka 8